

TARIKH : 12.12.2019
MEDIA : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 2

RM120 juta naik taraf, pulihara 120 premis mahkamah

Putrajaya: Kementerian Hal Ehwal Ekonomi memperuntukkan RM120 juta bagi Projek Naik Taraf dan Kerja Pemuliharaan 120 bangunan mahkamah di seluruh negara.

Ita bagi memastikan mahkamah dapat menjalankan fungsi dan tanggungjawabnya secara berkesan.

Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, berkata peruntukan itu secara 'one-off pada Rolling Plan' Keempat Tahun 2020 di bawah Peruntukan Pembangunan, dengan tempoh pelaksanaan projek selama dua tahun.

"Kementerian mengambil perhatian serius mengenai permohonan untuk menaik taraf dan memulihara kebanyakan bangunan mahkamah yang lama dan mengalami kerosakan kritikal.

"Keadaan ini bukan sahaja menjejaskan operasi mahkamah, malah keselamatan pengguna te-

rutama hakim, kakitangan mahkamah, peguam dan orang awam.

"Projek ini membabitkan kerja naik taraf dan pemuliharaan 120 bangunan mahkamah meliputi pembaikan kritikal, antaranya bumbung, dinding, saluran paip, pendingin hawa dan sistem pencegahan kebakaran," katanya dalam kenyataan, semalam.

Mohamed Azmin berkata, pecahan 120 bangunan mahkamah mengikut negeri adalah Sabah sebanyak 19 bangunan, Perak (18), Johor (13), Selangor (12), Kedah dan Kelantan masing-masing 10, Pahang (9), Negeri Sembilan (lapan), Terengganu (enam), Pulau Pinang dan Sarawak masing-masing lima, Melaka (tiga), Putrajaya dan Labuan masing-masing satu.

"Kerajaan yakin peruntukan ini akan dapat meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan mahkamah kepada orang awam," katanya.

